



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

STRATEGI MENANGANI ISU KEKURANGAN BEKALAN KELAPA

PUTRAJAYA, 27 FEBRUARI 2025 – Susulan daripada komitmen Kerajaan bagi memastikan kecukupan bekalan kelapa, KPKM ingin memaklumkan bahawa telah berjaya mengimport dan mengedarkan sejumlah 661,761 biji kelapa tua, bersamaan 661 metrik tan (MT) dengan nilai keseluruhan RM1.45 juta. Bekalan ini telah ditempatkan di pusat pengedaran utama seperti Pusat Operasi FAMA Dengkil, Selangor, Pusat Operasi FAMA Senawang, Negeri Sembilan dan Pusat Operasi FAMA Simpang Pulai, Perak.

Bekalan ini akan disalurkan melalui 42 Pusat Operasi FAMA di seluruh negara dan dipasarkan ke outlet peruncitan FAMA serta pemborong utama bagi memastikan ketersediaan bekalan di pasaran. Usaha ini akan diteruskan sehingga bekalan kelapa dalam negara kembali stabil. Antara negara yang mengeksport kelapa tua ke Malaysia adalah Indonesia, Thailand dan Sri Lanka.

Bagi langkah jangka panjang, melalui Rancangan Malaysia Ke-12, DOA telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk penanaman semula dan penanaman baharu kelapa, penghasilan pelbagai anak benih kelapa daripada varieti berproduktiviti tinggi seperti kelapa MATAK, Pandan, *Malayan Yellow Dwarf* (MYD) dan *Malayan Red Dwarf* (MRD).

Kawasan tanah yang dikenal pasti dengan kerjasama Kerajaan Negeri akan digunakan untuk penanaman kelapa bagi meningkatkan pengeluaran domestik termasuk juga dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). LPP telah melaksanakan 43 projek penanaman kelapa yang diusahakan bermula tahun 2016 di seluruh negara dengan keluasan seluas 643.42 hektar berkapasiti 123,426 pokok kelapa.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

27 FEBRUARI 2025